

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan awam seperti sistem Light Rail Transit di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mempunyai cadangan Projek Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (BLLRT) yang akan menjadi tunjang kepada pengangkutan awam berasaskan rel di Negeri Pulau Pinang seperti yang telah dicadangkan di bawah Penang Transport Masterplan (PTMP). Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah merupakan Pemilik dan Pemohon bagi Projek BLLRT ini. Jajaran Projek BLLRT ini bermula dari KOMTAR dan akan melalui kawasan-kawasan seperti Gelugor, Bayan Baru, Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebelum berakhir di cadangan tanah tebus guna *Penang South Reclamation* (PSR).

Kerajaan Persekutuan amat mengalu-alukan dan sentiasa menyokong cadangan daripada pihak Negeri untuk membangunkan dan menambahbaik sistem pengangkutan awam di Negara ini. Kajian kebolehlaksanaan jajaran projek ini telah dijalankan pada tahun 2014 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan beberapa siri perbincangan telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersama pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan cadangan projek ini berjalan dengan lancar.

Kelulusan bersyarat skim kereta api projek BLLRT ini juga telah diluluskan oleh YB Menteri Pengangkutan pada 16 Julai 2019, dan lanjutan daripada kelulusan bersyarat tersebut pemeriksaan awam selama tiga (3) bulan telah dijalankan oleh Pemohon (Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pulau Pinang) pada 19 Ogos 2019 hingga 19 November 2019 mengikut keperluan Seksyen 84, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715). Kelulusan muktamad ke atas skim kereta api projek BLLRT ini akan diberikan setelah pihak pemohon memenuhi keperluan-keperluan lain yang diberikan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ke atas kelulusan bersyarat tersebut.